

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Membaca merupakan salah satu di antara empat keterampilan berbahasa (menyimak, bercakap, membaca, dan menulis) yang penting untuk dipelajari dan dikuasai oleh setiap individu. Dengan membaca seseorang dapat bersantai, berinteraksi dengan perasaan dan fikiran, memperoleh informasi, dan meningkatkan ilmu pengetahuannya. Tidak dapat dinafikan bahawa keupayaan membaca amat penting pada zaman ini, sejak peringkat penyusuan lagi ibu bapa akan mengujarkan perkataan kepada bayi agar dapat bertutur. Lazimnya, apabila bayi melewati usia 12 bulan, akan diperkenalkan abjad supaya bayi tersebut mendapat pendedahan awal dunia bacaan walaupun pernah dilaporkan terdapat ura-ura mendedahkan janin dengan rangsangan linguistik menerusi pembacaan ibu yang mengandung.

Keimahiran membaca sangat penting untuk memupuk kebiasaan gemar dan rajin membaca. Hal demikian kerana seseorang yang mempunyai sikap suka membaca akan lebih mendapat ilmu pengetahuan berbanding orang yang tidak membaca. Orang yang gemar membaca juga yakin bahawa hidup membaca adalah hidup yang bahagia berbanding orang yang tidak membaca. Selain itu, pembaca yang ingin mendapat manfaat maksimum terhadap pembacaannya perlu mengetahui dan memahami apa yang terkandung di dalam maklumat atau bahan yang di baca tersebut. Membaca bukan sahaja meluaskan tahap pengetahuan sedia ada, tetapi juga menyalurkan pengalaman yang

sungguh bermakna bagi para pelajar. Dengan membaca, pelajar dapat menceburi lapangan estetika dan kesusasteraan. Aktiviti membaca memberi peluang kepada pelajar mengenal diri dan mengenal alam. Ia menambah pengetahuan, meninggikan pelajaran, mengembangkan daya cipta yang kreatif serta memupuk pandangan dan nilai hidup yang luas (Wijayasuriya, 1979). Dengan membaca, seseorang itu akan dapat menghargai dan menilai alam sekitarnya, masyarakatnya dan tamadun dunia yang mempengaruhi hidupnya.

Dalam dunia moden, perkembangan sains dan teknologi berlaku dengan pesatnya. Pengetahuan dalam semua perkara juga bertambah dengan pesatnya. Pengetahuan baru yang berkembang dengan pesatnya melalui buku, majalah, akhbar, laporan, risalah dan media lain perlu disalurkan seluas-luasnya kepada rakyat. Perkara ini membolehkan rakyat mengetahui perkembangan baru serta menjadikan mereka lebih progresif. Oleh yang demikian, rakyat yang suka membaca membawa keuntungan kepada negara.

Kepentingan membaca kepada seorang pelajar memang tidak dapat dinafikan. Membaca bukan sahaja meluaskan pandangan dari segi masa dan ruang tetapi juga menyalurkan pengalaman yang sungguh bermakna kepada pelajar. Dengan membaca, pelajar dapat mengenal diri dan alam sekelilingnya, menambahkan pengetahuan, meninggikan pelajaran, mengembangkan daya cipta yang kreatif serta memupuk nilai hidup yang luas. Goldenson (1957) pernah mengatakan :

“To neglect our children’s reading is to miss a golden opportunity to help them toward a fuller life. To take that opportunity, and the most of it, is to open the door that leads to the most ultimated, the most durable, and the most fruitful

of all the sources of enjoyment and enlightenment our world can offer”.

Goldenson (1957 dlm.Safiah 1990:42)


Norvell (1950), pula pernah menjelaskan bahawa bagi mempertingkatkan kemahiran membaca, memupuk tabiat yang sihat dan melahirkan generasi yang mencintai budaya membaca tiada faktor yang lebih penting daripada minat. Minat membaca pula mempunyai pertalian yang rapat dengan sikap terhadap bacaan. Hanya dengan sikap yang positif, seseorang itu akan memiliki minat membaca yang tinggi dan seterusnya membentuk tabiat membaca yang baik. Justeru itu, guru pelatih yang sedang mengikuti aktiviti membaca, agar mereka dapat melengkap diri mereka dengan pelbagai bidang ilmu pengetahuan, khususnya ilmu pendidikan yang terkini bagi menghadapi cabaran kerjaya.

Minat secara umumnya melahirkan motivasi, iaitu kemahuan untuk melakukan sesuatu. Ini termasuklah motivasi untuk belajar. Oleh itu, tidak syak lagi bahawa minat, sikap dan tabiat membaca adalah perkara penting dalam bidang pendidikan (Pumfrey, 1988). Tabiat dan minat membaca, serta kualiti bahan yang dibaca sewaktu pelajar berada di sekolah adalah faktor utama yang menentukan jenis dan mutu aktiviti membaca pelajar itu apabila dia menjadi dewasa kelak. (Tinker dan McCullough, 1975). Kualiti bahan yang dibaca pula dapat mencerminkan kematangan pembacanya. Oleh itu, jumlah waktu pelajar membaca, skop minat dan mutu bahan yang dibaca menjadi semakin penting (Tinker dan McCullough, 1975). Pelajar yang meminati bahan bacaan yang diberikan kepada mereka akan berusaha dengan lebih gigih untuk membaca berbanding dengan pelajar yang tidak mempunyai minat (Burns, Roe dan Ross, 1986). Pelajar dapat

membaca dengan lebih baik apabila ia ada keinginan untuk berbuat demikian (Allen, 1965).

Kesimpulannya apabila pelajar tidak mempunyai minat membaca, dia tidak akan membaca dan kesan yang diterimanya ialah, dia tidak akan mempunyai kecekapan membaca dan ketinggalan dari arus ilmu pengetahuan yang luas. Masalah tersebut sebenarnya lebih serius lagi kerana ketiga faktor ini, iaitu tidak ada minat, tidak membaca dan tidak cekap membaca menjadi satu perkara yang berkait di antara satu sama lain dalam suatu sindrom ketidakcekapan membaca. Ini dapat digambarkan melalui rajah di bawah:

Rajah 1.1



Daripada rajah I-I, nyatalah bahawa masalah minat membaca merupakan sesuatu perkara yang amat serius yang berupaya membantutkan segala objektif pembelajaran dan setiap pihak harus sedar bahawa pemupukan minat membaca patut dijadikan sebahagian penting pengajaran bacaan khususnya dan sistem persekolahan secara amnya.

Malangnya minat membaca tidak diberi penekanan yang sewajarnya (Greaney, 1980). Isu-isu tentang tahap bacaan dan kaedah mengajar bacaan terus menarik minat semua pihak., tetapi jelas terdapat kekurangan dalam hal pemupukan minat membaca di

kalangan guru-guru, perancangan pendidikan dan para penyelidik (Greaney, 1980). Walaupun pemupukan minat membaca yang sihat sudah dinyatakan dengan jelas di dalam objektif kurikulum sekolah, tidak terdapat bukti-bukti yang nyata dalam hal pencapaian objektif tersebut (Greaney, 1980).

Di samping itu juga terdapat segelintir pendidik yang tidak begitu serius melaksanakan dan memberikan penekanan terhadap pengajaran bacaan di sekolah. Ini secara tidak langsung menimbulkan kurang minat murid untuk membaca terutamanya, bila aktiviti ini tidak dipantau oleh guru kelas mereka. Jika dilihat jadual waktu mana-mana sekolah, jarang didapati pihak sekolah menyediakan waktu khas untuk pelajar membaca di perpustakaan. Walaupun guru-guru menyedari hakikat bahawa bacaan di pusat sumber menyediakan pengalaman yang bermakna bagi para pelajar, kebanyakan guru hanya menumpukan masa kepada pengajaran kemahiran membaca semata-mata. Maka akan wujudlah satu budaya di kalangan pelajar, membaca hanya disuruh sahaja dan membaca hanya bahan yang mereka minati, walaupun bahan tersebut tidak memberikan satu kebaikan dari segi menambahkan pengetahuan sedia ada murid tersebut.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Minat membaca merupakan perkara asas yang perlu dikuasai pada peringkat awal persekolahan lagi. Membaca dan memahami terhadap apa yang dibaca, dikaitkan dengan pelbagai tujuan, iaitu daripada tujuan yang paling asas untuk membantu pelajar mengenal huruf supaya dapat membaca dan menulis. Di samping itu juga untuk memahami apa yang ditulis dan dibaca, kepada tujuan membaca mengikut fungsi yang

berasaskan pencapaian sesuatu tahap kemahiran membaca. Iaitu untuk membantu seseorang itu melaksanakan sesuatu tugas.

Semua tujuan tersebut bertitik tolak daripada keperluan bagi menyediakan tenaga kerja atau melahirkan anggota masyarakat yang dapat membantu menggerakkan aktiviti harian yang berasaskan sesuatu kegiatan yang membabitkan hal-hal sosial dan kemasyarakatan yang berfaedah hasil daripada pembacaan yang sempurna dan berkesan. Maka proses membaca dan memahami apa yang dibaca itu merupakan proses yang penting bagi setiap individu. Kustarya (1988:2), menyimpulkan bahawa minat membaca adalah sesuatu kombinasi dari pengenalan huruf, *intellect*, emosi yang dihubungkan dengan pengetahuan si pembaca (*background knowledge*) untuk memahami sesuatu pesan yang tertulis.

Di samping itu juga Mahzan Arshad (Dewan Bahasa: 2001) menyatakan pemahaman bacaan adalah sebagai satu proses pembentukan dan pemberian makna menerusi interaksi di antara pembaca dengan bahan yang dibaca dan aktiviti memberikan respons terhadap bahan yang dibaca. Kedua-dua aktiviti, membaca dan memberi respons adalah proses yang konstruktif dan saling bantu-membantu di antara satu dengan yang lain.

Walaupun begitu, kajian menunjukkan masalah kurangnya minat membaca di kalangan pelajar yang bermula di peringkat awal persekolahan akan memberi kesan yang besar dan akhirnya sikap ini terbawa-bawa hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Akibatnya, masalah tidak cekap membaca dan tidak gemar membaca menjadi dua aspek yang begitu ketara dalam masyarakat kita. Hal ini bukan saja terdapat di kalangan pelajar, tetapi juga di kalangan belia lepasan sekolah dan orang-orang yang sudah bekerja.

Masalah murid tidak minat membaca ini telah meningkat dari tahun ke tahun. Menurut Pengerusi Bulan Membaca Kebangsaan 2001, Puan Zawiyah Baba yang juga Timbalan Pengarah Perpustakaan Negara, berkata peratusan rakyat Malaysia yang menjadi ahli perpustakaan awam (Pahang, Kedah, Melaka, Selangor dan Sarawak) bertambah daripada 10.96 % pada tahun 1998 kepada 11.26% pada tahun 1999 dan 12.61 % pada tahun 2000. Bagaimanapun, bagi negara maju, peratusan rakyat yang menjadi ahli perpustakaan mencapai 40% (Berita Minggu, 1. Julai 2001). Berdasarkan kenyataan ini jelas menunjukkan tahap minat membaca di kalangan penduduk di Malaysia masih berada di tahap yang sederhana.

Menurut Fellow Penyelidikan Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Datuk Dr Syed Hussein Alatas. Beliau berpendapat, masalah pencapaian akademik di kalangan pelajar Melayu disebabkan sikap pelajar Melayu sendiri yang tidak gemar membaca. Budaya membaca tidak wujud sedangkan membaca itu penting kepada perkembangan minda seseorang. Kebenaran pandangan di atas dibuktikan oleh Zulkifli Bachok (2001) dalam rencananya bahawa lebih 95 peratus pelajar Bumiputera yang memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tidak tahu menggunakan maklumat berkaitan pengajian mereka. Fenomena ini berlaku kerana mereka tidak mengamalkan minat membaca dan jika mereka membaca pun, mereka kurang memahami apa yang dibaca. Di samping itu juga ada kaitannya dengan kurang mengeksploitasi sepenuhnya penggunaan perpustakaan sejak kecil.

Hal ini mungkin disebabkan kurang meminati bahan yang dibaca dan juga terdapatnya faktor-faktor yang menolak serta menghalang seseorang menyemai minat membaca dalam diri mereka. Kajian yang dijalankan oleh Zaliha Yusoff (2000) terhadap

pelajar lelaki di sebuah sekolah menengah, mendapati pelajar lelaki lebih gemar membaca bahan yang kurang memberi ilmu pengetahuan, tetapi bahan tersebut mampu menarik minat pelajar untuk membacanya, bahan yang dimaksudkan ialah komik, sebanyak 85.0% gemar membaca komik dan hanya 15.0 % yang tidak meminati komik sebagai bahan bacaan. Halimah (1994) menyatakan seseorang individu tidak mungkin menunjukkan minat membaca, jika beliau merasakan aktiviti itu membosankan.

Satu kajian terhadap Profil Membaca Rakyat Malaysia yang dijalankan pada 1996 oleh Frank Small & Associates bagi pihak Perpustakaan Negara Malaysia mendapati hanya 29 peratus rakyat Malaysia yang menggunakan perpustakaan. Ini amat menyedihkan dan ia menunjukkan bahawa perpustakaan kita amat tidak digunakan dan ini amat merugikan kita. Kajian ini juga menunjukkan hanya 41 peratus keluarga di negara ini mempunyai perpustakaan atau sudut membaca di rumah.

Pada 1984, kajian umum oleh ahli akademik dari universiti tempatan di bawah pimpinan Prof Atan Long dari Universiti Putra Malaysia, menunjukkan bahawa minat membaca buku di Malaysia sangat rendah (kajian secara umum). Kemudahan perpustakaan tidak digunakan dengan baik. Alasan yang diberikan apabila ditanya mengapa tidak membaca buku ialah tidak ada masa (59 peratus), kerja lain lebih penting (11 peratus) dan sukar mendapat buku (7 peratus) di bandar dan (10 peratus) di luar bandar.

Sehubungan dengan itu Koe (1975) menyatakan jika kita ingin menggalakkan tabiat membaca, sikap negatif terhadap membaca perlu diubah. Walaupun membaca itu penting dalam kehidupan, tetapi ramai rakyat Malaysia tidak berminat membaca (Usman Awang, 1984 dalam Abd.Wahid Jais, 1988). Fenomena ini berkait rapat dengan konsep



'aliteration' (Mikulecky, 1977). Beliau mengaitkan 'aliteration' ini dengan situasi di mana ramai masyarakat yang menguasai kemahiran membaca tidak minat membaca.

Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan petunjuk jumlah hasil karya yang diterbitkan, baik dari segi kuantiti judul dan naskhah setiap judul yang dihasilkan. Syed Omar Ahmad (1981)(dalam Safiah Osman 1990) mendapati setiap judul buku bagi orang dewasa dicetak antara 3,000 hingga 5,000 naskhah sahaja, manakala buku-buku kanak-kanak dicetak di antara 10,000 hingga 20,000 naskhah. Jika ini dianggap sebagai *indicator* tahap pembacaan, keadaan ini menunjukkan kebanyakan rakyat Malaysia tidak mempunyai tabiat membaca yang baik. Hanya 1.0% sahaja rakyat mempunyai tabiat membaca yang baik (Syed Omar Ahmad (1981); Mohd Nor Ghani (1981); Sutung Umar (1989), walaupun kadar literasi di Malaysia melebihi 70%.

Situasi yang sama berlaku di seluruh dunia seperti mana dilaporkan oleh Katni (1980). Beliau menyatakan hanya 10% penduduk dunia suka membaca, walaupun bilangan orang yang boleh membaca lebih besar daripada itu. Durkin (1966) dan Safiah (1990) menyatakan jumlah bahan yang dibaca ada kaitan dengan minat membaca. Minat membaca tidak datang sendiri, tetapi menjadi tanggungjawab setiap individu untuk meningkatkan kebolehan masing-masing (Safiah 1990).

Menurut Prof Diraja Ungku Aziz, pengaruh media seperti radio dan televisyen menjadi punca kebanyakan rakyat negara ini kurang minat membaca kerana banyak masa di dihabiskan menonton televisyen serta mendengar radio hingga sanggup menghabiskan empat hingga lima jam sehari berbanding bahan bacaan. Beliau juga turut menambah faktor harga turut mempengaruhi minat membaca rakyat tempatan kerana tidak ramai

sanggup memperuntukkan perbelanjaan lebih untuk bahan bacaan setiap bulan, ini kerana kebanyakan buku yang baik adalah mahal (Berita Harian, 10 Julai 2003).

Persoalannya, adakah fenomena minat membaca tersebut dapat diatasi secara keseluruhannya ataupun masalah minat membaca masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan melihat kekerapan minat membaca, bahan yang dibaca, tujuan membaca, hubungan status sosioekonomi dengan minat membaca, perbezaan minat membaca antara murid-murid lelaki dan pelajar perempuan dan adakah pusat sumber atau perpustakaan mempunyai kaitan dengan minat membaca murid-murid sekolah rendah.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan meninjau minat membaca di kalangan murid-murid sekolah rendah. Secara khususnya, pola minat membaca dilihat dari segi aspek-aspek berikut :

1. Untuk mengetahui kekerapan minat membaca di kalangan murid-murid sekolah rendah dan bahan yang kerap menjadi pilihan murid-murid sekolah rendah untuk dijadikan bahan bacaan. Minat membaca yang dimaksudkan ialah, bagaimana sampel kajian memilih bahan bacaan yang dibacanya.
2. Untuk mengetahui tujuan murid membaca bahan yang diperoleh. Untuk mengetahui tujuan murid membaca, pengkaji telah terlebih dahulu melakukan perbincangan bersama-sama beberapa orang guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 16 tahun, untuk mencari beberapa tujuan membaca yang difikirkan bersesuaian untuk di sertakan dalam soal selidik.

3. Untuk mengenal pasti kekangan yang mempengaruhi minat membaca. Kekangan yang dimaksudkan ialah faktor-faktor yang boleh menghalang minat membaca di kalangan murid-murid. Kekangan ini mungkin wujud di sebabkan daripada dalaman diri murid tersebut atau kekangan yang disebabkan oleh faktor luaran murid tersebut.
4. Untuk mengetahui sejauh manakah murid-murid menggunakan pusat sumber sebagai tempat membuat rujukan dan pembacaan. Di samping itu juga untuk melihat adakah murid menggunakan pusat sumber ini sebagai tempat untuk membaca dan juga kekerapan murid mengunjungi pusat sumber tersebut.
5. Untuk melihat perbezaan minat membaca di kalangan murid lelaki dan perempuan. Kajian ini juga untuk melihat adakah terdapatnya perbezaan yang mempengaruhi minat membaca di kalangan murid lelaki dan murid perempuan.
6. Untuk mengetahui mungkin terdapatnya pertalian bahan bacaan yang sangat dibaca dengan latar belakang sosioekonomi murid-murid yang dikaji.

#### **1.4 Soalan Kajian**

1. Sejauh manakah kekerapan minat membaca di kalangan murid-murid sekolah rendah ?
2. Apakah tujuan murid membaca ?
3. Apakah kekangan yang dihadapi oleh murid-murid sekolah rendah menghalang minat membaca ?
4. Adakah pusat sumber atau perpustakaan memainkan peranan dalam mendidik minat membaca di kalangan murid-murid sekolah rendah ?

5. Adakah terdapatnya perbezaan minat membaca di kalangan pelajar lelaki dan perempuan?
6. Adakah terdapatnya pertalian bahan bacaan yang sangat dibaca dengan latar belakang sosioekonomi murid-murid yang dikaji.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Dalam memupuk tabiat dan minat membaca di kalangan pelajar, kajian ini diharapkan akan dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak tertentu.

Bagi pihak guru, mungkin juga ada guru yang tidak sedar betapa perlunya bahan-bahan bacaan tambahan selain daripada buku teks demi pertumbuhan pembelajaran dan fahaman mengenai alam keliling murid-murid. Para pendidik mempunyai tanggungjawab yang besar yang harus dipikul. Salah satu peranan utama mereka ialah memupuk minat membaca yang berpanjangan di kalangan murid-murid mereka.

Sebagai guru mereka sering menjadi tempat rujukan murid-murid untuk bertanyakan hal-hal buku. Oleh itu pengetahuan tentang buku-buku amatlah penting. Seseorang guru harus pandai mengimbangkan antara minat murid-muridnya dengan buku-buku yang bermutu. Kanak-kanak tidak boleh disogokkan dengan buku-buku yang membosankan mereka; ini akan membunuh minat mereka untuk membaca. Begitu juga dalam membuat pemilihan buku-buku untuk bilik darjah dan perpustakaan sekolah, pengetahuan dari kajian ini akan dapat menolong guru-guru.

Bagi penulis pula, untuk menulis sesuatu bahan bukan merupakan sesuatu perkara yang mudah. Ramai penulis yang mengakui bahawa adalah lebih senang bagi mereka menghasilkan buku-buku bacaan umum dari buku kanak-kanak. Dalam menulis buku-

buku bacaan untuk kanak-kanak memerlukan banyak penelitian. Di antaranya ialah para penulis harus dapat menyelami diri dan perasaan kanak-kanak, kegemaran mereka dan daya fikiran mereka. Mereka juga harus dapat menulis dengan menggunakan bahasa dan kata-kata yang selaras dengan peringkat umur kanak-kanak. Ini semua sukar dilakukan kerana apa yang mereka fikirkan sesuai bagi kanak-kanak belum tentu demikian halnya bila dibaca oleh kanak-kanak. Jadi kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada penulis sekurang-kurangnya tentang tema-temanya atau jenis cerita yang diminati oleh sesuatu peringkat umur kanak-kanak.

Ibu bapa juga turut memainkan peranan yang penting dalam usaha menggalakkan minat membaca di kalangan keluarga. Ibu bapa sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang besar dalam usaha memupuk minat membaca di kalangan anak-anak mereka. Merekalah yang paling rapat dengan anak-anak mereka dan merekalah pembeli utama buku-buku untuk anak-anak mereka. Mereka adalah tenaga penggerak dalam memupuk minat membaca yang efektif di kalangan anak-anak mereka. Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui apakah buku-buku yang sesuai untuk dipilih sebagai bacaan anak-anak mereka. Jadi kajian ini diharapkan dapat mengesyorkan buku-buku yang sesuai peringkat umur yang tertentu.

Bagi pihak kementerian pendidikan, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat tentang pemilihan bahan-bahan bacaan kepada pihak kementerian dalam menyediakan senarai buku bacaan untuk kanak-kanak sekolah rendah. Teks Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang ada sekarang banyak kelemahannya. Menurut Azman Wan Chik dan Khadijah Rohani ( 1984 ) :

“ Buku-buku yang digunakan sebagai teks bacaan KBSR tidaklah dinilai secara meluas sekadar dipilih oleh suatu lembaga dari skrip-skrip yang dihantar oleh penerbit-penerbit. Sebagai pengalaman sendiri, skrip-skrip tersebut dihasilkan dalam masa yang singkat tanpa melalui proses penapisan atau penilaian yang terperinci”.

Apa yang diperlukan oleh murid-murid ialah buku-buku yang dapat menggerakkan motivasi murid-murid untuk membaca terus dan menanamkan minat membaca dalam diri mereka.

Kajian ini juga akan dapat memberi maklumat kepada penerbit. Pihak penerbit perlu membuat pemilihan atau saringan terhadap buku-buku yang hendak diterbitkan. Terdapat beberapa perkara yang harus dipertimbangkan dalam merancang pengeluaran bahan-bahan bacaan. Misalnya dari segi isi dan tema haruslah bersesuaian dengan minat murid-murid. Begitu juga panjang pendek sesebuah bahan bacaan sepatutnya bersesuaian atau secocok dengan umur dan kebolehan mereka. Dari segi bahasa pula, struktur penggunaan perbendaharaan kata dan struktur tatabahasa hendaklah dikawal. Manakala dari segi ilustrasi pula, gambar-gambar dan lukisan sesebuah buku seharusnya terang dan menggunakan warna yang bermakna serta ada pertalian dengan cerita. Ini adalah untuk menjamin yang setiap pelajar dibekalkan dengan buku-buku yang sesuai dengan mereka.

## **1.6 Batasan Kajian**

Oleh sebab faktor masa dan kewangan yang terhad, kajian ini terpaksa dijalankan dalam masa yang singkat. Pertama, kajian ini dijangka mengambil masa kurang daripada empat bulan sahaja demi mematuhi tempoh pengajian bagi semester pertama yang akan

berakhir 27 September 2003. Kajian ini dibuat hanya di sekolah di dalam daerah yang hanya dalam zon yang kecil. Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan di sekolah-sekolah daerah lain. Hasil kajian yang dibuat di zon ini tidak boleh menggambarkan pola minat membaca pelajar-pelajar di sekolah yang berada di zon lain, sama ada sekolah itu terletak di kawasan bandar atau pun sekolah di luar bandar.

## 1.7 Definisi Konsep

Untuk tujuan penjelasan, istilah-istilah yang berkaitan dalam kajian akan diterangkan seperti berikut:

### 1.7.1 Aktiviti Membaca

Mengikut Staiger (1973), aktiviti membaca tidak boleh elak dari komunikasi sama ada melalui lisan atau pun tulisan. Beliau menjelaskan :


*“Reading is one aspect of communication by language and therefore has characteristic in common with listening, speaking and writing”.*  
Staiger (1973:dlm Naimah 1993:11)

Manakala, Hall (1978, dalam Naimah : 1993) menegaskan bahawa pembacaan adalah satu proses khusus melibatkan bahan cetak yang membawa mesej dari perkataan-perkataan serta tanda bacaan tertentu. Ward (1980, dalam A.Rahim, 1989) menghuraikan pembacaan sebagai aktiviti fizikal dan mental yang melibatkan mata, tatabahasa, perbendaharaan kata, ejaan, fonetik dan kefahaman intelektual.

Pernyataan di atas juga ada kaitan dengan keterangan Keneddy (1981:dalam A. Rahim, 1989). Beliau mengaitkan aktiviti membaca dengan proses berfikir, kefahaman, keperluan dan tinjauan. Dengan itu jelaslah bahawa aktiviti membaca melibatkan

kefahaman mesej yang memerlukan kecerdasan kognitif dan kemahiran bahasa juga afektif. Dalam kajian ini bacaan bermaksud membaca bahan-bahan bercetak dari berbagai-bagai jenis seperti buku, majalah, akhbar dan lain-lain sama ada dalam bahasa Melayu, Inggeris, Cina, Arab, Tamil atau lain-lain bahasa. Sehubungan dengan itu kelulusan akademik dan kelulusan bahasa telah diambil kira untuk tujuan kajian ini.

Emerald V.D (1982, Safiah Osman 1990) membahagikan proses membaca kepada dua bahagian iaitu mengecam perkataan. Kedua-dua aspek ini boleh ditunjukkan dalam gambar rajah seperti yang berikut:



Untuk mengecam dan memahami sesuatu perkataan, pembaca perlu berkebolehan mengecam simbol-simbol daripada bentuk 'visual' serta boleh menyebut dan memberi makna kepada bentuk visual. Untuk memahami sesuatu teks yang dibaca pembaca perlu memahami aspek semantik



### 1.7.2 Sikap, Minat dan Tabiat

Istilah-istilah ini mempunyai hubung kait yang sukar dipisahkan. Eysenck (1953) dan Getzels (1956) menjelaskan minat sebagai pengaruh yang membuat sesuatu organisma berusaha mencapai objektif atau aktiviti tertentu. Manakala tabiat pula merupakan perbuatan atau tingkah laku yang selalu dilakukan (Kamus Dewan : 1994).

Dari segi psikologi, minat boleh dikategorikan ke dalam domain efektif yang agak sukar hendak diukur secara eksplisit. Bagaimana pun minat membaca adalah merujuk kepada tahap keinginan seorang itu terhadap aktiviti membaca. Tabiat membaca pula dikaitkan dengan penglibatan seseorang dalam aktiviti membaca yang sering dilakukannya. Manakala sikap membaca pula ialah penerimaan dan tanggapan seseorang terhadap aktiviti membaca. Mengikut Siti Hawa dan Maarof (1990), sikap adalah penilaian individu yang dikaitkan dengan perasaan suka dan benci. Manakala Rogers (1977) mengaitkan minat dengan aktiviti serta keinginan untuk menyertainya.

Rogers (1977), juga menegaskan bahawa sikap adalah satu kecenderungan yang konsisten untuk satu-satu perkara tertentu sama ada berbentuk positif atau negatif terhadap sesuatu benda (objek) atau situasi tertentu. Ia juga melibatkan kognitif dan efektif (emosi). Secara lebih khusus, minat membaca merujuk kepada tahap keinginan atau kegemaran seseorang yang bersifat afektif, terhadap aktiviti membaca. Tabiat membaca merujuk kepada aktiviti membaca yang sering dilakukan oleh seseorang. Sikap terhadap bacaan pula ialah tanggapan seseorang terhadap aktiviti membaca.

Minat membaca dalam konteks kajian ini bermaksud jenis bahan bacaan yang digemari, jumlah waktu yang digunakan untuk membaca, kuantiti bacaan, sikap terhadap bacaan, dan kekerapan menggunakan perpustakaan.

Manakala Zimbardo (1979) berpendapat bahawa sikap mengandungi 3 komponen:

- i. tanggapan mengenai sesuatu perkara.
- ii. afektif atau perasaan yang berkait dengan tanggapan tersebut.
- iii. reaksi atau perlakuan yang mungkin ditunjukkan terhadap sesuatu perkara.

Kesimpulannya, sikap boleh ditakrifkan sebagai suatu tanggapan yang berkait rapat dengan domain afektif. Tanggapan ini agak stabil dan dapat dimanifestasikan oleh satu pola perlakuan yang agak konsisten terhadap sesuatu perkara. Sehubungan dengan ini, sikap membaca dapat ditakrifkan sebagai tanggapan terhadap aktiviti membaca bahan bercetak seperti buku, majalah, risalah, surat khabar dan sebagainya. Manakala tabiat membaca pula merupakan perlakuan yang berkaitan dengan aktiviti membaca yang sering diamalkan oleh seseorang individu. Dalam konteks kajian ini, sikap membaca melibatkan reaksi guru pelatih terhadap aktiviti membaca berbanding dengan aktiviti bukan membaca.

Tabiat membaca pula dilihat dari aspek kuantiti bacaan, peruntukan masa membaca, jenis bahan bacaan kegemaran, pemilihan bahasa penghantar bahan bacaan dan tujuan utama membaca. Selain daripada sikap dan tabiat, kajian ini juga meninjau aspek-aspek penggunaan pusat sumber, kekangan membaca dan penilaian diri.

### **1.7.3 Penggunaan Pusat Sumber**

Penggunaan Pusat Sumber bermaksud sejauh manakah murid-murid mengunjungi pusat sumber sekolah sebagai tempat rujukan atau pembacaan. Aspek penggunaan Pusat

Sumber akan diteliti berdasarkan kekerapan murid-murid mengunjungi pusat sumber sekolah dalam tempoh seminggu dan jumlah pinjaman buku dalam tempoh seminggu.

#### **1.7.4 Kekangan Membaca**

Kekangan membaca merupakan faktor-faktor halangan yang dihadapi oleh murid-murid untuk membaca. Empat faktor utama yang diambil kira sebagai halangan membaca ialah persekitaran, kecergasan fizikal, kepadatan aktiviti, media elektronik dan faktor pusat sumber.

### **1.8 Kesimpulan**

Terdapat pelbagai istilah tertentu yang mentakrifkan pengertian membaca. Membaca bukan sahaja proses melihat apa yang tersurat tetapi memahami apa yang tersirat di dalam bahan bacaan yang dibaca. Melalui pembacaan akan memberi manfaat kepada si pembaca dalam bentuk ilmu pengetahuan dan sumber maklumat.